

# Indonesia

## Demokrasi Indonesia Ala Sukarno

Tinjauan Risalah “Demokrasi Kita” oleh Dr. Hatta

Semboyan

Dwitunggal dwiwarna

Keduanya lambang merdeka

Indonesia Mau Ke mana

Setelah si tunggal meninggal si tunggal

Dwiwarna kehilangan akal

Demokrasi terpimpin lahir ke dunia

Harapan jaya mungkin gagal

Kembalilah kamu dwitunggal

Kembalilah bersama dwiwarna!



Presiden Sukarno

Oleh: Aria Jimbel

Setelah membaca dan mendengar sebahagian dalil-dalil dan keterangan-keterangan dari Bung Hatta dalam risalahnya “Demokrasi Kita” itu mengecam pemerintahan terpimpin ala Sukarno itu serta memperhatikan dan memahami bantahan-bantahan dan bangkangan dari Bung Kartawiguna dalam majalah “Sketsa Masa” yang mempertahankan siasah Bung Karno berkenaan dengan demokrasi terpimpin ala Indonesia itu, maka kini kami lanjutkan pula dengan dalil-dalil dan keterangan-keterangan dari bekas Naib Presiden Dr. Muhammad Hatta, sebagai sambungan penjelasan dalam majalah Qalam bulan yang lalu. Kata Dr. Hatta:

“Oleh kerana itu tidak hairan kalau banyak orang menyangka, bahawa demokrasi lenyap dari Indonesia. Tetapi pendapat semacam itu tidak benar. Itu suatu pendapat yang diperoleh dari penglihatan sepintas lalu sahaja atas proses politik yang berlaku di Indonesia sejak beberapa tahun yang akhir ini. Demokrasi bisa tertindas sementara kerana kesalahannya sendiri, tetapi setelah ia mengalami cubaan yang pahit, ia akan muncul kembali dengan penuh keinsafan. Berlainan daripada beberapa negeri lainnya di Asia, demokrasi di sini berurat berakar di dalam pergaulan hidup. Sebab itu ia tidak dapat dilenyapkan untuk selamanya.

Apa yang terjadi sekarang ialah krisis daripada demokrasi. Atau demokrasi di dalam krisis. Demokrasi yang tidak kenal batas kemerdekaannya lupa syarat-syarat hidupnya dan melulu menjadi anarki lambat laun akan digantikan oleh diktator. Ini adalah hukum basi daripada sejarah dunia! Tindakan Sukarno yang begitu jauh menyimpang dari dasar-dasar konstitusi (perlembagaan) adalah akibat daripada krisis demokrasi itu. Demokrasi dapat berjalan baik, apabila ada rasa tanggungjawab dan keikhlasan pada pemimpin-pemimpin politik.

Inilah yang kurang pada pemimpin-pemimpin parti seperti yang telah berkali-kali saya peringatkan. Pada permulaan kemerdekaan, sesudah proklamasi (pengisytiharan) 17 August 1945, orang merasai benar-benar tanggungjawabnya, tetapi setelah kemerdekaan itu diakui oleh seluruh dunia, sebagai hasil daripada Persidangan Meja Bundar di The Hague hingga pada akhir tahun 1949, orang lupakan syarat-syarat untuk membangun demokrasi dalam praktik.

“Semangat yang ultra – demokrasi yang maharajalela dalam dada pemimpin-pemimpin parti mengubah sistem pemerintahan dari pemerintah *Presidential* yang ternama di dalam undang-undang dasar 1945 menjadi kabinet *Parliamentar*. Sistem kabinet *Parliamentar* seperti yang berlaku di Eropah Barat, di mana pemerintah bertanggungjawab kepada parlimen, orang anggap lebih demokratis dari sistem pemerintah *Presidential*. Orang lupa, bahawa Indonesia dalam masa peralihan kepemerintahan nasional yang demokratis perlu akan suatu pemerintah yang kuat. Sejarah Indonesia sejak proklamasi 17 August 1945 menyatakan bahawa pemerintah yang kuat di Indonesia ialah pemerintah *Presidential* di bawah dwitunggal Sukarno – Hatta. Lahirnya idea



***Presiden Sukarno dan Naib Presiden Dr Muhammad Hatta bersama-sama keluarga, bergambar dengan Perdana Menteri India, Tuan Nehru dalam masa lawatannya ke Indonesia dahulu.***

(cita-cita) dwitunggal di waktu itu bukanlah hal yang dibuat-buat, melainkan suatu kenyataan yang dikehendaki oleh keadaan. Di masa republik Indonesia yang pertama itu telah dicuba mengubah sistem pemerintah *Presidential* menjadi sistem kabinet *Parliamentar* yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri, yang bertanggungjawab kepada badan pekerja Komite Nasional Pusat. Alasan yang dikemukakan ialah supaya Presiden dan Wakil Presiden tetap dan tidak terganggu gugat dalam memimpin negara. Presiden dan Wakil Presiden diperlindungi oleh kabinet yang bertanggungjawab politik, yang setiap waktu dapat diganti kalau perlu. Tetapi dalam praktik ternyata, bahawa bukan kabinet yang memperlindungi Presiden dan Wakil Presiden, memagari mereka dengan tanggungjawabnya, melainkan sebaliknya. Di mana-mana Presiden dan Wakil Presiden harus bertindak dengan

mempergunakan kewibawaan untuk melindungi kabinet dari kecaman dan serangan rakyat yang tidak puas sampai ke dalam sidang Komite Nasional Pusat Wakil Presiden terpaksa bersuara untuk mempertahankan politik pemerintahan yang digugat dan dikecam sehebat-hebatnya oleh berbagai-bagai golongan di dalamnya. Dan pada saat yang genting seperti dengan peristiwa 3 Julai 1946 orang berpegang kembali kepada kabinet *Presidential*. Demikian juga sesudah Penandatanganan Perjanjian Renville pada permulaan tahun 1948, yang menimbulkan perpecahan besar dan pertentangan politik yang hebat dalam masyarakat, orang kembali kepada pemerintah *Presidential* di bawah Wakil Presiden. Pemerintah itulah yang stabil sampai pada pemulihan kedaulatan pada akhir tahun 1949 oleh Belanda. Tetapi sesudah itu semangat ultra – demokratis muncul kembali. Dalam Undang-undang Dasar 1950 ditetapkan sistem kabinet *Parliamentary*. Dwitunggal Sukarno – Hatta dijadikan simbol negara belaka dalam kedudukan Presiden dan Wakil Presiden Konstitusional (yang berperlembagaan), yang tidak dapat diganggu gugat. “Menteri-menteri bertanggungjawab atas seluruh bijaksana pemerintah, baik bersama-sama untuk seluruhnya maupun masing-masing untuk bahagiannya sendiri-sendiri” dan mulai saat sangat itu tamatlah pada hakikatnya sejarah dwitunggal dalam politik Indonesia.

“Negara baharu dibentuk dari menggabungkan 16 negara bahagian Republik Indonesia Syarikat menurut keputusan K.M B menjadi sebuah negara kesatuan yang daerahnya meliputi seluruh Indonesia dengan Irian Barat sebagai daerah sengketa, - negara

baharu ini akan menghadapi seribu satu soal dan kesulitan. Kerana inilah pada saat itu dua orang yang benar-benar mempunyai kewajipan dibebaskan dari pimpinan negara yang *real* dan dijadikan simbol belaka.

“Sebenarnya ada suatu pertentangan perasaan dari dalam yang sukar mengatasi. Sistem dwitunggal itu sudah menjadi suatu mitos yang mempengaruhi jalan fikiran bangsa kita. Dalam alam fikiran rakyat yang banyak, segala kesulitan akan dapat diatasi selama dwitunggal itu berada di atas puncak pimpinan negara. Sebaliknya orang ingin mempunyai sesuatu sistem pemerintahan yang lebih demokratis, iaitu di mana pemerintah bertanggungjawab kepada parlimen setiap waktu. Menurut jalan fikiran ini, di antara badan-badan yang bekerjasama dalam melakukan pemerintahan, parlimen dan pemerintah, parlimenlah yang terkuat. Sistem itu tidak jalan terhadap dwitunggal dengan kewajibannya yang besar terhadap rakyat. Dalam pada itu ada pula aliran yang berpendapat, bahawa figura orang yang dua itu akan menjadi penghalang bagi tenaga-tenaga politik baharu untuk maju ke muka ini merugikan bagi latihan demokrasi. Sebab itu perlu mereka meluangkan tempat dalam kekuasaan politik bagi pemimpin-pemimpin yang lain itu.

“Segala pertimbangan itu melupakan kepentingan yang lebih besar dan mendesak di waktu itu, iaitu bahawa negara perlu akan suatu pemerintah yang kuat yang mempunyai kewajipan besar untuk mengatasi kesulitan. Salah satu dari kesulitan yang utama ialah bahawa cita-cita demokrasi memang ada di Indonesia, tetapi pelaksanaannya yang kurang. Selain dari itu pengalaman dalam pemerintahan demokratis sedikit sekali, di luar daerah

Republik Indonesia yang pertama yang hanya meliputi Jawa dan Sumatera hampir tak ada. Anggota-anggota Dewan Perwakilan Rakyat yang pertama kali mewakili seluruh Indonesia menurut Undang-undang Dasar 1950 bukanlah anggota yang dipilih oleh rakyat, melainkan diangkat oleh pemerintah negara-negara bahagian lama. Lebih dari separuh berasal dari pegawai negeri yang dalam zaman Hindia Belanda tidak mempunyai pengalaman politik.

“Sebab itu tidak menghairankan, kalau di dalam Dewan Perwakilan Rakyat itu jumlah parti politik makin lama makin banyak. Akhirnya terdapat 19 buah. Orang dapat mengira betapa sulitnya membentuk suatu pemerintahan yang akan memperoleh dokongan oleh suara yang terbanyak di dalam Dewan Perwakilan Rakyat. Tiap-tiap pemerintah mempunyai corak pemerintah – koalisi, tersusun dari sedikit-dikitnya 7 atau 8 parti. Alangkah sulitnya menyusun program bersama dan menyetujui orang-orang yang akan duduk sebagai menteri. Dan kalau pemerintah sudah berjalan dan kemudian ada parti dalam koalisi itu yang tidak mendapat kepuasan, lalu ia menarik menterinya keluar, maka timbullah krisis kabinet. Kabinet jatuh kerana kelemahan dari dalam, bukan kerana *bottom* dalam Dewan Perwakilan Rakyat. Berkali-kali pemerintah mengundurkan diri, tetapi belum ada yang jatuh di muka parlimen kerana salah satu *bottom* tidak – percaya. Dengan sendirinya pemerintah-pemerintah semacam itu, yang setiap waktu menghadapi soal politik dalam dan di luar Dewan Perwakilan Rakyat, tidak cukup mempunyai kesempatan untuk memikirkan soal ekonomi dan pembangunan. Rancangan yang diperbuat sudah terlantar lagi kalau pemerintah sudah jatuh. Pemerintah yang menggantikan

memikirkan lagi rancangan baharu.

Sesudah Pemilihan Umum tahun 1955 jumlah parti itu tidak berkurang, malahan bertambah sampai 28. Ini disebabkan oleh sistem pemilihan yang terlalu demokratis. Sebenarnya tiga parti yang terbesar di dalam Dewan Perwakilan Rakyat, P. N. I., Masyumi dan Nahdatul Ulama memperoleh suara terbanyak yang mutlak. Tetapi di antara Masyumi dan dua lain itu sukar mencapai persesuaian faham. Kalau negeri-negeri yang sudah lama menjalankan demokrasi masih terdapat perbuatan menyalahgunakan kekuasaan, apalagi dalam negeri yang masih muda seperti Indonesia. Bagi beberapa golongan menjadi parti pemerintah bererti “membahagi rezeki”. Golongan sendiri dikemukakan, masyarakat dilupakan. Seorang menteri memperoleh tugas

### **Khusyukkah sembahyang tuan?**

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” – Kata Kiyai Muhammad Hasbi ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

### **Sujudlah kepada Tuhanmu!**

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku *serial* Syarahan 2

**Yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.**

dari partinya untuk melakukan tindakan-tindakan yang memberi keuntungan bagi partinya. Seorang menteri perekonomian misalnya menjalankan tugasnya itu dengan memberikan lesen dengan bayaran yang tertentu untuk pinda partinya. Atau dalam pembahagian lesen itu kepada pedagang dan import atau eksport, orang yang seperti dengan dia didahulukannya. Keperluan wang untuk biaya pemilihan umum menjadi sebab kecurangan itu. Parti yang pada hakikatnya alat untuk menyusun pendapat umum secara teratur, supaya rakyat belajar merasai tanggungjawabnya sebagai pemangku

negara dan anggota masyarakat – parti itu dijadikan tujuan dan negara menjadi alatnya.

“Juga dalam hal menampakkan pegawai pada jabatan umum di dalam dan di luar negeri orang lupa akan dasar tanggungjawab dan keikhlasan dalam demokrasi. Seringkali keanggotaan parti menjadi ukuran, bukan dasar *“Dhī ru’yatin min aina dhī ru’yatin falaysa”*. Pegawai yang tidak berparti atau partinya duduk di bangku pihak pembangkang merasa kehilangan pegangan dan menjadi patah hati. Ini merosak ketenteraman jiwa bekerja, mendorong orang ke jalan curang dan korupsi mental. Aturan memperkuat budaya pekerti, karakter pegawai, dengan polik kepartian itu orang menghidupkan yang sebaliknya, mengasuh orang luntur karakter, akhirnya orang masuk parti bukan kerana keyakinan, melainkan kerana ingin memperoleh jaminan suasana politik semacam itu memberi kesempatan kepada berbagai jenis petualang politik dan ekonomi serta manusia *profiter* maju kemuka. Segala pergerakan dan semboyan nasional diperalatkan mereka, parti-parti politik ditungganginya, untuk mencapai kepentingan mereka sendiri. Maka timbullah anarki dalam politik dan dan semboyan nasional diperalatkan mereka, parti-parti demoraliasasi maharajalela.”

Atas tinjauan Bung Hatta ini Bung Kartawiguna tidak mengadakan bangkangan.

Pada bilangan Qalam bulan depan akan kita teruskan dengan tinjauan Bung Hatta berkenaan demokrasi dan diktator.

(bersambung)

<b>BUKU2 RUMI</b>				
<b>Penerbitan Qalam Yang Terbaru</b>				
<b>Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer</b>				
Oleh: Abdullah B. Hj. Musa (Lubis)	...	...	...	\$2.00
<b>Cherita2 Sejarah I</b>				
Oleh: Edrus	...	...	...	\$1.00
<b>Teras Kebudayaan Nasional</b>				
Oleh: Mahmud Ahmad	...	...	...	\$1.50
<b>Balek Dari Medan Perjuangan</b>				
Oleh: Ahmad Lutfi	...	...	...	\$1.00
<b>Sisa Neraka Dunia</b>				
Oleh: Ahmad Lutfi	...	...	...	\$1.20
<b>Bangkai Bernyawa</b>				
Oleh: Ahmad Lutfi	...	...	...	\$1.00
<b>Tinjauan Sastera Tanah Ayer</b>				
Oleh: Abd. Ghani bin Abbas	...	...	...	\$1.50
<b>Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang</b>				
Oleh: Abdullah B. Hj. Musa (Lubis)	...	...	...	\$2.00
<b>Surat Menyurat (chitakan kedua)</b>				
Oleh: Edrus	...	...	...	\$2.00
<i>Pesan Kepada:</i>				
<b>QALAM</b>				
356/8 GEYLANG ROAD,				
SINGAPURA 14				